

SUMBER PENGETAHUAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK) BERKAITAN AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007: SATU ANALISA

(SOURCE OF KNOWLEDGE VILLAGE DEVELOPMENT AND SECURITY COMMITTEE
(JKKK) RELATING TO THE YOUTH SOCIETIES AND YOUTH DEVELOPMENT ACT
2007: AN ANALYSIS)

Alias Azhar¹
Asmah Laili Hj Yeon²
Siti Alida John Abdullah³
Zainal Amin Ayub⁴
Rozita Arshad⁵

Abstrak

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau ringkasnya JKKK adalah sebuah institusi bertindak sebagai penghubung antara komuniti belia luar bandar dan pihak kerajaan. Pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dianggap sebagai titik tolak kepada perubahan pengurusan pertubuhan belia menghadapi cabaran masa depan. Objektif fokus kertas kerja ialah mengkaji sumber pengetahuan JKKK berkaitan undang-undang belia yang wujud dalam negara ini. Kajian menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi menghasilkan dapatan yang menyeluruh aspek doktrinal perundangan terkandung dalam Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007. Di samping memperoleh data empirikal melalui kajian lapangan khusus soal selidik fokus responden kalangan JKKK. Dapatan kajian ialah, sumber pengetahuan undang-undang belia kalangan JKKK adalah pelbagai sama ada melalui aktiviti dianjurkan pihak Kementerian atau pertubuhan belia. Di samping merujuk kepada media massa dan melalui pendidikan secara formal, diharap dapat menyumbang kepada perkongsian ilmu dan pengetahuan undang-undang belia tersebut bersama para belia setempat.

Kata Kunci: *Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung, Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007, undang-undang belia, aktiviti belia, Kementerian Belia Dan Sukan*

¹ Prof. Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, e-mel: az.alias@uum.edu.my

² Profesor, Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

³ Prof. Madya, Pusat Pengajian Kerajaan, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

⁴ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

⁵ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kerajaan, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia

Abstract

Village Development and Security Committees or simply JKKK is an institution acting as a liaison between the youth of rural communities and the government. Implementation of the Youth Societies and Youth Development Act 2007 is considered the turning point for change management of the youth society to meet future challenges. The objective of this paper is focused on studying the sources of knowledge among JKKK related to youth law that exists in this country. The study combines qualitative and quantitative methods to produce comprehensive findings of the doctrinal aspects contained in the legislation of the Youth Societies And Youth Development Act 2007. In addition to empirical data obtained through field studies specifically focused questionnaire respondents among JKKK. The result is that the source of legal knowledge among JKKK are gained through various activities organized either by the ministry or youth societies. In addition to referring to the mass media and through formal education, are expected to contribute to the sharing of knowledge and legal knowledge of the youth law with local youths.

Keywords: *Village Development and Security Committee, Youth Societies and Youth Development Act 2007, laws of youth, youth activities, the Ministry of Youth and Sports.*

2015 GBSEJournal

Pendahuluan

Pelbagai pendekatan telah digunakan untuk membangunkan belia. Di Malaysia, strategi pembangunan belia berasaskan kepada pertubuhan belia telah lama bertapak dalam rangka pembinaan generasi penerus negara. Pertubuhan-pertubuhan belia terdapat di tiap-tiap negara - kampung, mukim, daerah, negeri dan negara. Secara amnya pertubuhan-pertubuhan belia ini diharap dapat berperanan sebagai penggerak perubahan, pembantu proses, pemberi penyelesaian dan sebagai penghubung sumber dalam konteks pembangunan belia yang berterusan. Kerajaan telah mengiktiraf pertubuhan belia sebagai mempunyai potensi utama pembangunan belia.

Pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 ini boleh dianggap sebagai titik tolak kepada perubahan pengurusan pertubuhan belia menghadapi cabaran masa depan yang mendatang. Peredaran masa dan arus globalisasi telah menuntut banyak perubahan dilakukan dalam sesuatu organisasi termasuk pertubuhan belia. Selain perlu kembali kepada landasan yang betul pengurusan pertubuhan belia di masa hadapan perlu mengambil kira keperluan dan kehendak generasi muda yang lahir dalam era teknologi baru dan alam siber.

Namun, persoalan utama yang menjadi fokus kertas kerja ini ialah, adakah dan bagaimanakah para kepimpinan belia peringkat tempatan merujuk kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) tahu dan sedar berkaitan undang-undang belia yang wujud dalam negara ini. Aspek pengetahuan dan kesedaran mereka merupakan elemen terpenting bagi memastikan pengubalan akta belia dapat berfungsi sepenuhnya dalam kerangka pengurusan dan pembangunan belia serta pertubuhan belia setempat.

Fungsi Dan Peranan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK)

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau ringkasnya JKKK adalah sebuah institusi kepimpinan di peringkat kampung yang diwujudkan ketika pemerintah negara ini berusaha gigih untuk membangunkan sektor luar bandar. Penubuhan JKKK adalah untuk mewujudkan ruang dan memberikan peluang kepada pihak rakyat melibatkan diri dalam proses pembangunan di peringkat kampung. JKKK adalah badan yang bertindak sebagai agen perubahan dan penghubung penting antara pihak kerajaan dan penduduk kampung (Abdullah, Mohd Yusof, 2003)

Kepimpinan JKKK di kampung ini turut membantu di dalam mengembangkan peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan sumber-sumber tempatan yang ada untuk faedah penduduk. Penglibatan penduduk setempat di dalam aktiviti kemasyarakatan dan ekonomi dijana oleh kepimpinan JKKK. melalui proses komunikasi yang berkesan. Proses komunikasi yang berkesan yang diamalkan oleh kepimpinan JKKK kampung ini membolehkannya bertindak selaku agen perubahan di peringkat akar umbi untuk berfungsi sebagai perantara dalam proses perkongsian maklumat antara pihak kerajaan dan penduduk kampung, sebagai pemangkin, pembangunan, dan pentadbir kampung yang berjaya mengukuhkan permuafakatan di kalangan penduduk dan mewujudkan suasana kerjasama yang harmoni dengan pihak kerajaan (Abdullah, Mohd Yusof ,Ibid).

Konsep pembangunan komuniti ini merujuk kepada proses sosial yang melibatkan usaha kerajaan dan rakyat untuk bersama-sama memperbaiki keadaan hidup komuniti itu dari segi ekonomi, sosial, dan budaya, untuk mengintegrasikan kedudukan komuniti ke dalam negara dan untuk membolehkan komuniti menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan negara. Penubuhan JKKK sebagai sebahagian daripada jentera pembangunan di luar bandar ini ada kaitan juga dengan andaian bahawa pencapaian matlamat pembangunan berkait rapat dengan organisasi yang produktif dan berfungsi (Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah, 2010)

Skop peranan dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan ini mungkin tidak dapat dipenuhi jika anggota JKKK yang dilantik itu tidak dinamik, mengutamakan kepentingan diri, tidak jujur, kurang iltizam, kurang pengetahuan, dan tidak bekerjasama sesama mereka dan dengan organisasi lain. Keadaan-keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan dan kemampuan JKKK untuk menjadi sebagai badan penggerak penting pembangunan kampung.

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa merupakan institusi kepimpinan penting di peringkat akar umbi dan nadi pembangunan desa. JKKK membantu pihak Kerajaan meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat dan kemudahan infrastruktur asas luar bandar (Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah, 2011)

Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan terus melaksanakan pelbagai pendekatan untuk mengukuhkan peranan JKKK sebagai Ejen Transformasi Luar Bandar. Mulai tahun 2014, model baharu JKKK mula dilaksanakan yang antara lainnya memberi penekanan kepada aspek pemilihan dan kompetensi. Program berbentuk seminar dan "outreach" akan terus dilaksanakan untuk memastikan "engagement" yang berterusan di antara pihak Kementerian, Kerajaan Negeri dan JKKK. Matlamat utama yang ingin dicapai adalah untuk

melahirkan JKKK yang lebih berinformasi, berpengetahuan, berkemahiran dan berintegriti. (www.rurallink.gov.my)

Tafsiran Belia Dan Pertubuhan Belia Di Bawah Akta

'Belia' ditafsirkan di bawah Akta ini sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun. Manakala 'Pertubuhan Belia' ertinya mana-mana pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri berikut :

- i. mempunyai nama yang mengandungi perkataan "belia" atau suatu perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpama atau sama dengan belia;
- ii. kesemua anggotanya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat - puluh tahun atau mana-mana gabungan atau kumpulan pertubuhan yang keanggotaannya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun; dan
- iii. mempunyai objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belia.

Tafsiran “Aktiviti Belia”

Akta ini mentafsirkan "aktiviti belia" sebagai apa-apa aktiviti melibatkan belia yang antara objektifnya termasuklah aktiviti-aktiviti seperti berikut;

- i. untuk membina peribadi belia;
- ii. untuk meningkatkan kesetiaan negara di kalangan belia;
- iii. untuk menyebarkan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- iv. untuk mewujudkan kesedaran di kalangan belia terhadap unsur dan nilai negatif;
- v. untuk membolehkan belia mempunyai kesedaran terhadap kebudayaan, alam sekitar, sukan, kesihatan, kerohanian dan kebajikan sosial;
- vi. untuk memberikan peluang bagi penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti bandar dan luar bandar;
- vii. untuk memberikan peluang bagi latihan kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan; dan
- viii. untuk membantu belia menyesuaikan diri dan membentuk sikap positif dalam menghadapi cabaran dan desakan hidup melalui penggunaan komponen pendidikan dan kemahiran hidup.

Implikasi Akta Terhadap Pertubuhan Belia

Beberapa implikasi penting akta terhadap pertubuhan belia di Malaysia yang dapat digariskan seperti berikut;

- i. Pertubuhan belia yang sedang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 hendaklah memohon untuk didaftar di bawah Akta ini dalam masa 12 bulan dari tarikh kuatkuasa Akta ini;

- ii. semua pemimpin dan ahli pertubuhan belia yang akan didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah berumur tidak kurang lima belas tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun;
- iii. Pertubuhan belia perlu meminda perlembagaan masing-masing setakat yang tidak bersesuaian dengan peruntukan di bawah Akta ini;
- iv. Sehingga pendaftarannya diluluskan di bawah Akta ini, sesebuah pertubuhan belia tersebut disifatkan masih berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan boleh terus bergiat aktif;
- v. Semua pertubuhan belia yang baru ditubuhkan dan belum berdaftar perlu didaftarkan di bawah Akta ini sebaik sahaja Akta mula berkuatkuasa;
- vi. Pertubuhan lain yang ditubuh melalui Akta Parlimen lain seperti Persatuan Pandu Puteri, Persekutuan Pengakap, St. John Ambulans dan Persatuan Bulan Sabit Merah tidak perlu didaftarkan di bawah Akta ini.
- vii. Pemimpin pertubuhan belia yang dipilih atau dilantik memegang jawatan hendaklah berumur tidak kurang lima belas tahun dan tidak melebihi empat puluh tahun
- viii. Akta ini juga menghadkan tempoh memegang jawatan sebagai Ketua dalam pertubuhan belia di peringkat kebangsaan iaitu hendaklah tidak melebihi 6 tahun secara berterusan manakala pemegang jawatan lain di semua peringkat tidak dihadkan tempohnya dengan syarat belum melebihi umur 40 tahun.
- ix. Sebarang pertikaian yang berlaku dalam pertubuhan belia yang tidak dapat diselesaikan boleh dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusannya dan sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar, rayuan boleh dibuat kepada Panel Penyelesaian Pertikaian dan seterusnya rayuan kepada Menteri.

Pengurusan pembangunan belia yang berasaskan kepada pertubuhan belia mempunyai impak yang signifikan terhadap pembinaan generasi pewaris negara. Pertubuhan belia ini diharap memainkan peranan sebagai agen penggerak perubahan dan sebagai penghubung dalam konteks pembangunan belia yang berterusan. Namun belum ada kajian empirikal berkaitan pengetahuan dan kesedaran para pimpinan belia peringkat tempatan khususnya JKKK berkaitan undang-undang yang mendasari pengurusan pembangunan belia dan pertubuhan belia. Sumber Pengetahuan dan kesedaran JKKK berkaitan akta belia dan pertubuhan belia menjadi fokus perbincangan kertas kerja ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi menghasilkan dapatan yang menyeluruh aspek doktrinal perundangan terkandung dalam Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007. Di samping memperoleh data empirikal melalui kajian lapangan khusus soal selidik fokus responden kalangan JKKK. Melalui persoalan apakah dan bagaimanakah JKKK memperoleh sumber maklumat dan pengetahuan berkaitan undang-undang tersebut, para pengkaji membina empat (4) item persoalan bagi memenuhi instrumen soal selidik. Selanjutnya analisa telah dilakukan secara kuantitatif melalui soal selidik.

Skop responden dalam perbincangan kertas kerja ini hanya melibatkan kalangan pimpinan belia setempat khususnya Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) terdiri daripada 89.6% jumlah keseluruhan adalah lelaki. Manakala 10.4% pula wanita daripada jumlah keseluruhan seramai 752 orang semuanya. Selain itu, profil umur responden aspek turut dimasukkan bagi menunjukkan hubungan dan signifikan terhadap subjek kajian iaitu kepimpinan belia peringkat tempatan. Min dan peratus umur responden ialah 15-20 tahun seramai 0.7%, 21-30 tahun 2.9%, 31-40 tahun hanya 13%, 41-50 tahun 32.2%, 51-60 tahun 41.4% and 61-70 tahun 9.8%.

Kajian soal selidik melibat sejumlah 752 responden kalangan JKKK yang terdiri daripada 674 orang lelaki dan 78 orang perempuan. Data kuantitatif dianalisis dengan perisian komputer SPSS. Analisis tersebut melibatkan penggunaan aplikasi statistik deskriptif. Manakala data kualitatif dianalisis dengan menggunakan perisian komputer QSR NVivo. Data dianalisis dengan membina tema (nodes) dan koordinasi data yang berkaitan.

Analisa 1

Melihat sejauh mana pengetahuan JKKK berkaitan undang-undang belia yang diperoleh melalui aktiviti yang dianjurkan pihak Kementerian Belia dan Sukan. Jadual I menjelaskan persoalan di atas.

Jadual I: Pengetahuan Berkaitan Undang-undang Belia Diperoleh Melalui Aktiviti-aktiviti Kementerian Belia Dan Sukan

	Frekuensi	Peratus
Sangat tidak Sah setuju	3	.4
Tidak setuju	15	2.0
Tidak pasti Setuju	123	16.4
Sangat Setuju	491	65.3
Total	752	100.0
Mean	3.94	
Std. Deviation	.661	

Berdasarkan jadual I, dapatan kajian menunjukkan 81.3% responden bersetuju bahawa pengetahuan berkaitan undang-undang belia diperoleh melalui aktiviti-aktiviti dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan. Sebaliknya hanya 2.4% tidak bersetuju. Ini membuktikan aktiviti-aktiviti pihak kementerian berperanan penting dalam usaha menyampai maklumat dan pengetahuan undang-undang belia kepada JKKK.

Analisa II

Persoalan adakah pengetahuan JKKK berkaitan undang-undang belia turut diperoleh melalui aktiviti yang dianjurkan pertubuhan Belia. Jadual II menjawab persoalan di atas.

Jadual II: Pengetahuan Undang-undang Belia Diperoleh Melalui Aktiviti Pertubuhan Belia

	Frekuensi	Peratus
Sah Sangat Tidak Setuju	3	.4
Tidak Setuju	17	2.3
Tidak pasti	124	16.5
Setuju	490	65.2
Sangat Setuju	118	15.7
Total	752	100.0
Min	3.93	
Std. Deviasi	.667	

Merujuk kepada jadual II, dapatan kajian menunjukkan 80.9% responden bersetuju bahawa pengetahuan undang-undang belia diperoleh melalui aktiviti-aktiviti dianjurkan Pertubuhan Belia. Manakala hanya 2.7% responden menyatakan tidak setuju. Dapatan ini turut membuktikan peranan pertubuhan belia amat signifikan dalam mendidik JKKK berkaitan undang-undang belia melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Sehubungan itu, garapan usaha pihak kementerian dan pertubuhan belia dalam memberikan maklumat dan pengetahuan berkaitan undang-undang belia kepada JKKK amat berkesan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Analisa III

Sejauh mana media massa turut menjadikan sumber rujukan JKKK dalam usaha mendapatkan maklumat berkaitan undang-undang belia. Jadual III di bawah menjelaskan para pimpinan JKKK era ICT masih menjadikan media masa sebagai bahan rujukan sumber pengetahuan khususnya berkaitan undang-undang belia. Bahan-bahan media massa termasuklah buku, majalah, radio, tv dan lain-lain. Analisa data soal selidik menunjukkan 82.2% responden bersetuju bahawa pengetahuan undang-undang belia diperoleh melalui media massa, berbanding hanya 2% sahaja menyatakan tidak bersetuju

Jadual III: Pengetahuan Undang-undang Belia Diperoleh Melalui Media Massa (Buku-buku, majalah, radio, televisyen dan lain-lain)

	Frekuensi	peratus
Sah sangat tidak setuju	1	.1
tidak setuju	14	1.9
tidak pasti	119	15.8
Setuju	495	65.8
sangat setuju	123	16.4

			Frekuensi	peratus
Sah	sangat tidak setuju	tidak	1	.1
	tidak setuju		14	1.9
	tidak pasti		119	15.8
	Setuju		495	65.8
	sangat setuju		123	16.4
	Total		752	100.0
Min			3.96	
Std. Deviasi			.638	

Analisa IV Persoalan adakah pengetahuan berkaitan undang-undang belia diperoleh melalui pendidikan secara formal. Dapatan kajian ditunjukkan seperti jadual IV di bawah.

Jadual IV: Pengetahuan Undang-undang Belia Diperoleh Melalui pendidikan Formal

			Frekuensi	Peratus
Sah	Sangat tidak setuju		11	1.5
	Tidak setuju		28	3.7
	tidak pasti		228	30.3
	Setuju		408	54.3
	sangat setuju		77	10.2
	Total		752	100.0
Min			3.68	
Std. Deviasi			.765	

Jelas bahawa, pendidikan secara formal turut menyumbang kepada sumber pengetahuan undang-undang belia dengan kadar 64.5% responden menyatakan setuju. Manakala 5.2% responden berpendapat sebaliknya.

Kesimpulan

JKKK merupakan kepimpinan peringkat setempat yang mempunyai hubungan paling dekat dengan pihak belia dan berperanan penting sebagai sumber rujukan utama para belia. Segala aktiviti dan program yang dijalankan peringkat kampung dan kawasan setempat yang melibatkan para belia akan diselia secara langsung oleh pihak JKKK.

Pihak JKKK turut bertanggungjawab mengadakan kerjasama dan hubungan secara langsung dengan para belia serta bertindak sebagai “orang tengah” antara pihak kerajaan dan para belia di luar bandar. Oleh itu, pengetahuan dan maklumat pihak JKKK perlu lebih terkehadapan dalam

segala bidang termasuk undang-undang belia bagi memastikan peranan JKKK dapat berfungsi secara efektif dan berkesan dalam pengurusan dan pembangunan belia setempat.

Sumber pengetahuan undang-undang belia kalangan JKKK adalah pelbagai sama ada melalui aktiviti dianjurkan pihak Kementerian atau pertubuhan belia. Di samping merujuk kepada media massa dan melalui pendidikan secara formal, diharap dapat menyumbang kepada perkongsian ilmu dan pengetahuan undang-undang belia tersebut bersama para belia setempat.

Para penulis turut berpendapat bahawa, umur bukan penghalang bagi JKKK untuk terus belajar dan menimba ilmu pengetahuan. Terutama pengetahuan berkaitan undang-undang dan polisi berkaitan pengurusan dan pembangunan belia. Begitu juga, aspek gender sama ada lelaki atau wanita yang dilantik sebagai JKKK, harus memainkan peranan dalam usaha menjayakan hasrat kerajaan dalam usaha membangunkan belia sebagai aset terpenting negara.

Rujukan

Abdullah, Mohd Yusof (2003) *Keberkesanan Fungsi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Dalam Pembangunan Luar Bandar: Satu Kajian Kes*. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.

Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah, 2011, Laporan Tahunan KKLW, Putrajaya:KKLW

Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah, 2010, Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar, Putrajaya:KKLW

Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007

www.rurallink.gov.my, di akses pada 4 Oktober 2015

**rujukan terhad